

TORPEZIL

Donepezil Hydrochloride (5mg, 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Torpezil
2. Bagaimana Torpezil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Torpezil
4. Cara menggunakan Torpezil
5. Semasa menggunakan Torpezil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Torpezil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Torpezil

Torpezil mengandungi Donepezil hydrochloride. Ia digunakan untuk merawat gejala demensia pada individu yang telah didiagnosis menghidap penyakit Alzheimer tahap ringan hingga sederhana. Gejala tersebut termasuk kehilangan ingatan yang semakin meningkat, kekeliruan dan perubahan tingkah laku. Akibatnya, pesakit Alzheimer mengalami kesukaran yang semakin ketara untuk menjalankan aktiviti harian mereka seperti biasa.

Bagaimana Torpezil berfungsi

Donepezil hydrochloride tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat asetilkolinesterase. Donepezil meningkatkan paras suatu bahan (asetilkolin) di dalam otak yang terlibat dalam fungsi ingatan dengan melambatkan pemecahan asetilkolin.

Sebelum menggunakan Torpezil

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada donepezil hydrochloride, atau kepada derivatif piperidin, atau kepada mana-mana bahan lain dalam Torpezil.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Torpezil jika anda:

- ulser perut atau duodenum
- sawan atau kejang
- masalah jantung (degupan jantung tidak teratur atau sangat perlahan)

- asma atau penyakit paru-paru kronik yang lain
- masalah hati atau hepatitis
- kesukaran membuang air kecil atau penyakit buah pinggang ringan
- Sebarang masalah jantung termasuk masalah degupan jantung yang tidak teratur, perlahan atau terlalu laju.
- Keadaan jantung yang dikenali sebagai 'Prolonged QT interval' atau sejarah ritma jantung tidak normal tertentu yang dikenali sebagai Torsade de Pointes, atau jika ada ahli keluarga anda yang mengalami 'Prolonged QT interval'.
- Paras magnesium atau kalium yang rendah dalam darah anda.
- ubat anti-kulat, contohnya ketokonazol
- ubat anti-kemurungan, contohnya fluoksetin
- ubat anticonvulsant (anti-sawan), contohnya fenitoin, karbamazepin
- ubat untuk masalah jantung, contohnya quinidine, beta-blocker (propranolol dan atenolol)
- ubat pelemas otot, contohnya diazepam, suksinilkolin
- ubat bius am
- ubat yang diperoleh tanpa preskripsi, contohnya ubat herba
- • Ubat untuk masalah ritma jantung seperti amiodarone, sotalol dan quinidine
- • Ubat untuk kemurungan seperti citalopram, escitalopram, amitriptyline
- • Ubat untuk psikosis seperti pimozide, sertindole, ziprasidone
- • Ubat untuk jangkitan bakteria seperti clarithromycin, erythromycin, levofloxacin, moxifloxacin

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- ubat lain untuk penyakit Alzheimer, contohnya galantamin
- ubat penahan sakit atau rawatan untuk artritis, contohnya aspirin, ubat anti-radang bukan steroid (NSAID)
- seperti ibuprofen atau diclofenac sodium
- ubat antikolinergik, contohnya tolterodin
- antibiotik, contohnya eritromisin, rifampisin

Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan ubat bius am, anda harus memaklumkan kepada doktor dan pakar bius bahawa anda sedang mengambil Torpezil. Ini kerana ubat anda mungkin mempengaruhi jumlah ubat bius yang diperlukan. Torpezil boleh digunakan oleh pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang atau penyakit hati ringan hingga sederhana. Maklumkan kepada doktor anda terlebih dahulu jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati. Pesakit dengan penyakit hati yang teruk tidak seharusnya mengambil Torpezil. Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda nama penjaga anda. Penjaga anda akan membantu memastikan anda mengambil ubat seperti yang telah ditetapkan.

Cara menggunakan Torpezil

- Berapa banyak harus digunakan

Biasanya, anda akan mula mengambil 5 mg setiap malam. Selepas satu bulan, doktor anda mungkin akan menyarankan anda mengambil 10 mg setiap malam.

Telan tablet Torpezil anda bersama air sebelum tidur pada waktu malam.

Kekuatan tablet yang anda ambil mungkin akan berubah bergantung kepada tempoh anda telah mengambil ubat ini dan nasihat daripada doktor anda. Dos maksimum yang disyorkan ialah 10 mg setiap malam. Sentiasa ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai cara dan masa untuk mengambil ubat anda.

Jangan ubah dos sendiri tanpa nasihat daripada doktor anda.

- Bila perlu digunakan

Telan tablet Torpezil anda bersama segelas air sebelum tidur pada waktu malam. Anda boleh mengambil tablet ini dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberi nasihat mengenai tempoh pengambilan tablet ini. Anda perlu berjumpa doktor dari semasa ke semasa untuk menyemak rawatan dan menilai simptom anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil tablet, ambil satu tablet pada hari berikutnya pada waktu biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan tablet yang terlupa.

Jika anda terlupa mengambil ubat selama lebih daripada satu minggu, sila hubungi doktor anda sebelum mengambil sebarang ubat lagi.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jangan ambil lebih daripada satu tablet setiap hari. Hubungi doktor anda segera jika anda mengambil lebih daripada dos yang sepatutnya. Jika anda tidak dapat menghubungi doktor, hubungi terus bahagian Kecemasan dan Trauma (Emergency) hospital terdekat. Sentiasa bawa bersama tablet dan kotak ubat ketika

ke hospital supaya doktor dapat mengetahui apa ubat yang telah diambil.

Gejala overdosis termasuk rasa loya dan muntah, air liur berlebihan, berpeluh, degupan jantung yang perlahan, tekanan darah rendah (rasa pening atau pitam apabila berdiri), masalah pernafasan, kehilangan kesedaran serta sawan atau kejang.

Semasa menggunakan Torpezil

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda jika

anda sedang hamil, mengesyaki anda hamil, atau merancang untuk hamil.

anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi anda.

Doktor anda akan menasihatkan anda untuk berhenti mengambil ubat ini. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda nama penjaga anda. Penjaga anda akan membantu anda mengambil ubat seperti yang telah ditetapkan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Penyakit Alzheimer boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera dan anda tidak boleh melakukan aktiviti ini kecuali doktor anda memberitahu ia selamat untuk berbuat demikian.

Selain itu, ubat ini boleh menyebabkan rasa letih, pening, dan kekejangan otot. Jika anda mengalami kesan-kesan ini, anda tidak boleh memandu atau mengendalikan jentera.

Jangan berhenti mengambil tablet ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jika anda berhenti mengambil Torpezil, manfaat rawatan anda akan beransur hilang.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda ada atau pernah mengalami:

- *ulser perut atau duodenum*
- *sawan atau kejang*

- *masalah jantung (degupan jantung tidak teratur atau sangat perlahan)*

- *asma atau penyakit paru-paru kronik yang lain*

- *masalah hati atau hepatitis*

- *kesukaran membuang air kecil atau penyakit buah pinggang ringan*

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Torpezil boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan berikut telah dilaporkan oleh pesakit yang mengambil Torpezil.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan ini semasa mengambil Torpezil.

Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan bersifat sementara. Kesan sampingan yang paling biasa adalah cirit-birit dan kekejangan otot.

Kesan sampingan lain termasuk keletihan, loya, muntah, sukar tidur, dan pening.

Terdapat laporan gangguan psikiatri, termasuk halusinasi, kegelisahan dan perilaku agresif yang dapat hilang selepas pengurangan dos atau penghentian rawatan.

Tidak diketahui (kekerapan tidak dapat dianggar):

- Degupan jantung laju dan tidak teratur serta pengsan, yang boleh menjadi gejala keadaan yang mengancam nyawa dikenali sebagai Torsade de Pointes.

- Perubahan aktiviti jantung yang boleh dilihat melalui elektrokardiogram (ECG) dikenali sebagai 'Prolonged QT interval'.

Rawatan ini boleh menyebabkan peningkatan ringan dalam paras creatine kinase dalam darah otot.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* Reporting *Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Torpezil

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk. **TORPEZIL 5 MG**

Tablet berwarna putih ke putih kekuningan, berbentuk bulat, biconvex, bersalut filem dengan nombor '5' terukir di satu sisi dan garisan pecah di sisi yang lain.

- **TORPEZIL 10 MG**

Tablet berwarna merah jambu (peach), berbentuk bulat, biconvex, bersalut filem dengan nombor '10' terukir di satu sisi dan garisan pecah di sisi yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Starch (Maize starch)
- Lactose and MCC (3:1)
- Magnesium Stearate

- Hypromellose 2910 (6 cps)
- Polyethylene glycol 6000 (Macrogol)
- Talc

- Titanium Dioxide
- Purified water
- Ferric Oxide Yellow
- Ferric Oxide Red

- Nombor MAL

Torpezil 5 mg tablet MAL13015046AZ

Torpezil 10 mg tablet MAL13015045AZ

Pengilang

TORRENT PHARMACEUTICALS LTD.

Indrad 382 721, District: Mehsana INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd., Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara, No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara. 50480 Kuala Lumpur Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

05/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)260121/00007